

19 JAN 1999

Mahathir-Anwar

PEGUAM NEGARA KAJI SURUHANJAYA SIASAT KECEDERAAN ANWAR

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pejabat Peguam Negara kini sedang mengkaji cadangan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Bebas untuk menyiasat kecederaan yang dialami oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika dalam tahanan polis September lepas.

"Belum buat keputusan lagi," kata Perdana Menteri ketika ditanya pemberita mengenai perkembangan cadangan penubuhan suruhanjaya itu di rumah terbuka Hari Raya beliau di kediaman rasminya, Sri Perdana di sini, hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai kenyataannya pada 6 Jan lepas bahawa kerajaan akan menimbangkan cadangan beberapa pihak yang mahu Suruhanjaya Bebas ditubuhkan untuk menyiasat kecederaan pada Anwar.

Dr Mahathir dilaporkan berkata (pada 6 Jan lepas) bahawa berdasarkan laporan akhbar, siasatan kes itu tidak menyeluruh kerana keterangan beberapa orang dalam kes itu tidak dirakamkan.

Beberapa pihak termasuk Parti Gerakan, DAP dan Majlis Peguam telah mendesak supaya badan bebas ditubuhkan untuk menjalankan siasatan penuh insiden itu ekoran kenyataan Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah pada 5 Jan lepas bahawa polis bertanggungjawab atas beberapa kecederaan pada Anwar.

Kenyataan Mohtar itu berdasarkan laporan awal sebuah pasukan khas yang diketuai ACP Mat Zain Ibrahim yang menyiasat kes kecederaan Anwar itu.

Selepas didapati laporan pasukan khas itu tidak merakamkan pernyataan sembilan pegawai kanan polis termasuk bekas Ketua Polis Negara, Mohtar mengarahkan pasukan khas itu merakamkan pernyataan mereka.

Beberapa hari selepas Peguam Negara mengumumkan hasil siasatan itu, Ketua Polis Negara Tan Sri Rahim Noor meletakkan jawatan kerana beliau mengambil tanggungjawab sepenuhnya terhadap kecederaan yang dialami oleh Anwar semasa dalam tahanan polis

Anwar dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 Sept lepas dan ditahan oleh polis pada 20 Sept kerana memudaratkan keselamatan dalam negara dengan menganjurkan perhimpunan-perhimpunan haram.

-- BERNAMA

ES PR